Tuntutan perjalanan & sara hidup	253,423	182,980
Perhubungan dan utiliti	3,195,265	3,534,666
Sewaan	801,770	825,551
Bahan Makanan dan Minuman	—	17,184
Bekalan bahan mentah	378,749	394,987
Bekalan bahan lain	1,313,238	1,109,277
Penyelenggaraan dan pembaikan	14,242,839	12,252,361
Penyelenggaraan dan pembaikan (MARRIS)	—	24,843,455
Pembersihan awam dan sisa pepejal	3,006,967	—
Worldwide landfill	1,354,010	—
Perkhidmatan ikhtisas	2,352,184	2,779,028
	<u>26,898,445</u>	<u>45,939,489</u>
<b>ASET</b>		
Bangunan dan pembaikan bangunan	—	149,251
Harta Modal Lain	—	2,031
	<u>—</u>	<u>151,282</u>
<b>PEMBERIAN &amp; KENAAN TETAP</b>		
Pencen	993,865	1,245,501
Peruntukan Ahli Majlis	1,500	4,999
	<u>995,365</u>	<u>1,250,500</u>
<b>PERBELANJAAN LAIN</b>		
Susutnilai	2,191,095	2,024,803
Peruntukan Hutang ragu/Lapuk	812,630	(5,319,391)
Perbelanjaan Lain	107,094	4,652,259
	<u>3,110,819</u>	<u>1,357,671</u>
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>		
	<u>4,534,734</u>	<u>3,934,007</u>
	<u>4,534,734</u>	<u>3,934,007</u>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<u>51,028,540</u>	<u>67,349,151</u>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH</b>	<u>(1,082,095)</u>	<u>(2,284,713)</u>

**No. 4823.**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

**Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

SHAH ALAM  
Bertarikh 30 Ogos 2016

ROKIAH BINTI SAHAT  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Kami, Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua dan Dato' Hj. Aman Shah bin Mohd. Shahar, Ahli Majlis, Majlis Daerah Hulu Selangor dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Disember 2015 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tunai yang berakhir pada tarikh tersebut.

MOHAMAD ZAIN BIN  
A HAMID  
*Yang Dipertua  
Majlis Daerah Hulu Selangor*

DATO' HJ. AMAN SHAH  
BIN MOHD. SHAHAR  
*Ahli Majlis  
Majlis Daerah Hulu Selangor*

Bertarikh 25 April 2016

Bertarikh 25 April 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Saya, Shaiful Rizza bin Pamin, (KP. 751017-10-6141), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh  
Penama di atas  
Shaiful Rizza bin Pamin  
di Kuala Kubu Bharu, Selangor  
pada 29 April 2016

}

Di hadapan saya  
MARIATI BINTI DERAMAN  
*Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia*

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	2015	2014
	RM	RM
<b>ASET</b>		
Aset Semasa		
Wang Dalam Bank dan Di Tangan (Nota 5)	14,122,942	9,880,301
Simpanan Tetap (Nota 6)	55,549,469	38,036,900
Pelbagai Penghutang (Nota 7)	3,266,002	443,541
Penghutang (Nota 8)	31,842,422	28,130,952
Jumlah Aset Semasa	104,780,835	76,491,694
Aset Bukan Semasa		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 4)	17,291,598	18,820,495
Kerja Dalam Proses (Nota 19)	739,525	282,875
Jumlah Aset Bukan Semasa	18,031,123	19,103,370
Jumlah Aset	122,811,958	95,595,064
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti Semasa		
Sewa Beli Kenderaan (Nota 9)	495,515	447,675
Pemiutang (Nota 10)	749,261	2,792,726
Pelbagai Pemiutang (Nota 11)	1,901,050	7,151,227
Wang Cagaran (Nota 12)	22,641,675	21,204,074
Jumlah Liabiliti Semasa	25,787,501	31,595,702
Liabiliti Bukan Semasa		
Sewa Beli Kenderaan (Nota 9)	950,056	1,378,305
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	950,056	1,378,305
Jumlah Liabiliti	26,737,557	32,974,007
Aset Bersih	96,074,401	62,621,057
<b>EKUITI:</b>		
Geran Bantuan Khas (Nota 14)	3,331,110	3,702,608
Kumpulan Wang Majlis (Nota 13)	86,478,157	58,518,449
Kumpulan Wang Amanah (Nota 15)	5,865,134	—
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan (Nota 16)	400,000	400,000
Jumlah Ekuiti	96,074,401	62,621,057

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 (RM)	2014 (RM)
<b>PENDAPATAN</b>		
Hasil Cukai (Nota 20)	56,110,028	47,920,975
Hasil Bukan Cukai (Nota 20)	15,449,482	9,816,000
Pelbagai Terimaan (Nota 20)	9,679,030	21,163,822
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>81,238,540</b>	<b>78,900,797</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 20)	12,320,064	12,151,232
Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 20)	31,170,320	47,509,285
Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 20)	1,478,820	1,380,515
Perbelanjaan Lain (Nota 20)	5,849,260	9,050,683
Perbelanjaan Pembangunan (Nota 20)	2,460,368	4,150,924
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>53,278,832</b>	<b>74,242,639</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN BERSIH</b>	<b>27,959,708</b>	<b>4,658,158</b>

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 (RM)	2014 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI:</b>		
Lebih Pendapatan	27,959,708	4,658,158
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai:		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	2,646,580	2,384,519
Pelarasan, Hapuskira	—	30
Kredit Tertunda	(371,498)	(361,532)
Hutang Ragu	2,292,313	—
<b>Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>32,527,103</b>	<b>6,681,175</b>
Peningkatan pada aset semasa:		
Pelbagai Penghutang	(2,822,461)	(270,943)
Penghutang	(6,003,783)	(717,400)
	<b>(8,826,244)</b>	<b>(988,343)</b>
(Penurunan)/Peningkatan pada liabiliti semasa:		
Pemiutang	(2,043,465)	284,810
Pelbagai Pemiutang	(5,250,177)	447,433
Wang Cagaran	1,437,601	3,594,596
	<b>(5,856,041)</b>	<b>4,326,839</b>

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3920

[15hb Dis. 2016

	2015 RM	2014 RM
Peningkatan pada ekuiti:		
Kumpulan Wang Amanah	5,865,134	—
	<u>5,865,134</u>	<u>—</u>
Aliran Tunai Bersih Dijana dari Aktiviti Operasi	<u>23,709,952</u>	<u>10,019,671</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Peningkatan Kerja Dalam Proses	(456,650)	(282,875)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	<u>(1,117,683)</u>	<u>(2,055,417)</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(1,574,333)</u>	<u>(2,338,292)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Penerimaan Sewa Beli Kenderaan	76,320	1,152,000
Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan	<u>(456,729)</u>	<u>(306,115)</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan/Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan	<u>(380,409)</u>	<u>845,885</u>
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<u>21,755,210</u>	<u>8,527,264</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	<u>47,917,201</u>	<u>39,389,937</u>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<u>69,672,411</u>	<u>47,917,201</u>
<b>ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH</b>		
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	14,122,942	9,880,301
Simpanan Tetap	<u>55,549,469</u>	<u>38,036,900</u>
<b>WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK</b>	<u>69,672,411</u>	<u>47,917,201</u>

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Bantuan Khas RM	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	4,064,140	53,860,291	—	400,000	58,234,431
Tambahan Kumpulan Wang	—	4,658,158	—	—	4,658,158
Kurangan dalam tahun	<u>(361,532)</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>(361,532)</u>
Pada 31 Disember 2014	<u>3,702,608</u>	<u>58,518,449</u>	<u>—</u>	<u>400,000</u>	<u>62,621,057</u>

	Geran Bantuan Khas	Kumpulan Wang Majlis	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2015	3,702,608	58,518,449	—	400,000	62,621,057
Tambahan Kumpulan Wang	—	27,959,708	17,111,371	—	45,071,079
Kurangan dalam Tahun	(371,498)	—	(11,246,237)	—	(11,617,735)
Pada 31 Disember 2015	3,331,110	86,478,157	5,865,134	400,000	96,074,401

NOTA KEPADA AKAUN

1. MAKLUMAT AM

1.1 Majlis dan aktiviti utama

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) adalah merupakan salah sebuah daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) pada tahun 1977 dengan matlamatnya untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti kepada penduduk daerah Hulu Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, selesa dan makmur. Majlis ini adalah hasil gabungan Lembaga Bandaran Rawang, Majlis Tempatan Kuala Kubu Baharu dan Majlis Tempatan Kalumpang dengan keluasan seluas 174,047 hektar (430,070 ekar).

Kegiatan utama Majlis adalah menjaga kebersihan daerah dan melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar di samping mengutip hasil cukai dan bukan cukai selaras dengan Seksyen 39 Akta 171.

1.2 Jumlah kakitangan

Seramai 343 (2014: 352) kakitangan bertaraf tetap dan berpencen, 06 (2014: 03) kakitangan bertaraf kontrak, dan 64 (2014: 20) kakitangan sambilan yang berkhidmat pada tahun berakhir 31 Disember 2015.

1.3 Alamat berdaftar

Alamat berdaftar pejabat pengurusan Majlis Daerah Hulu Selangor adalah seperti berikut:

Majlis Daerah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

Laman web: [www.mdhs.gov.my](http://www.mdhs.gov.my)

1.4 Pengesahan penyata kewangan

Penyata kewangan ini telah disahkan oleh Mesyuarat Bulanan Ahli Majlis pada 25 April 2016.

2. RISIKO-RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

2.1 Risiko kecairan dan aliran tunai

Majlis sentiasa memastikan aktiviti-aktivitinya dijalankan pada tahap kecairan yang optima pada setiap masa agar mencukupi untuk menampung aktiviti-aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaannya.

Oleh itu polisi ini adalah untuk memastikan operasi dan aktiviti di mana melalui pengurusan modal kerja yang cekap, akan berupaya untuk menukarkan aset-aset semasa kepada tunai untuk memenuhi segala permintaan bayaran pada masa yang ditetapkan.

Majlis juga akan berusaha menetapkan tahap kawalan kredit Majlis adalah sentiasa berada dalam kemampuan untuk memenuhi keperluan kecairan di samping memastikan pengurusan modal kerja yang cekap bagi Majlis.

## 2.2 Risiko kadar faedah

Majlis adalah terdedah kepada risiko kadar faedah iaitu risiko di mana nilai instrumen kewangan akan turun naik hasil daripada perubahan di dalam kadar faedah pasaran.

Pendapatan dan aliran tunai operasi majlis adalah banyak bergantung kepada perubahan di dalam kadar faedah dalam pasaran. Pendedahan kepada perubahan dalam risiko kadar faedah adalah melibatkan deposit-deposit Majlis yang disimpan di dalam bank-bank dan institusi kewangan berlesen atau di dalam pinjaman bank yang dilakukan.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### (a) Asas perakaunan

Akaun telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan mematuhi undang-undang seperti yang dikehendaki oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas pengiraan yang diguna pakai dalam penyediaan akaun adalah termasuk kos, penilaian pulih, penilaian realisasi, penilaian semula dan nilai sebenar. Penganggaran telah digunakan dalam menentukan nilai-nilai ini.

### (b) Aset tetap dan susutnilai

Aset tetap bersih dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai.

Aset tetap disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus dan diambilkira dari tarikh pembelian aset. Kosnya dimansuhkan di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

	Setahun
Bangunan	5%
Perabot dan Alat Kelengkapan Pejabat	10%
Perkakas-perkakas Lain	10%
Kenderaan/Jentera	20%
Mesin Potong Rumput	33%
Komputer dan Perkakasannya	25%

Aset tetap yang telah penuh disusutnilaikan masih ditunjukkan pada nilai buku bersih RM1.00 hingga RM10.00 setiap satu aset di dalam akaun sehingga ianya tidak berguna lagi. Bilamana terdapat tanda-tanda terjejas, jumlah dibawa bagi aset tersebut dinilai dan diturun nilaikan dengan segera kepada jumlah yang boleh diperolehi.

Sekiranya aset tetap dilulus, perbezaan antara perolehan penjualan bersih dan jumlah dibawa akan dicaj atau dikredit kepada Penyata Prestasi Kewangan.

### (c) Penghutang perdagangan dan pelbagai

Penghutang perdagangan dan pelbagai dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang ragu.



(d) Peruntukan Hutang ragu

Peruntukan Hutang Ragu Am

Terdiri dari penunggak cukai taksiran am yang mempunyai keusiaan tunggakan selama 9 tahun ke atas (keusiaan 18 penggal iaitu sebelum tahun 2006). Sejumlah 11,486 akaun bernilai RM33,263,852 diperuntukan bagi maksud ini.

Peruntukan Hutang Ragu Khusus

Penghutang terdiri dari pemaju-pemaju yang menghadapi kesukaran untuk membayar, entiti kepentingan kerajaan serta anak-anak syarikatnya, penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bil cukai yang tidak dapat diserahkan dan pegangan yang berada di kawasan berisiko. Sejumlah 7,505 akaun bernilai RM14,964,081 diperuntukan bagi maksud ini.

Pecahan adalah seperti berikut:

Nama	Bil Akaun	Jumlah RM
Kumpulan TALAM	4,103	6,904,585
Kumpulan EMKAY	151	468,944
Kerajaan dan Anak-anak Syarikat	333	2,448,882
Penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat	37	48,426
Tenaga Nasional Berhad 2	41	158,523
Ulu Yam Height	172	11,507
Bil gagal diserahkan	1,050	2,959,898
Lembah Beringin	356	342,573
Tanpa nama Pemilik	1,262	1,620,742
Jumlah Besar	7,505	14,964,080

(e) Tunai dan Kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit di dalam bank.

(f) Aset Terjejas

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, nilai dibawa bagi aset dikaji untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut dianggarkan.

Kerugian daripada nilai aset terjejas diiktiraf apabila nilai dibawa bagi aset atau unit perolehan tunai di mana aset tersebut digolongkan melebihi nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut. Kerugian terjejas dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai. Dalam menilaikan nilai yang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan aliran masuk tunai yang besar, amaun yang diperolehi akan ditentukan bagi unit perolehan tunai di mana aset tersebut digolongkan.

Kerugian terjejas berhubung muhibah, tidak dibalikkan semula kecuali kerugian tersebut disebabkan oleh kejadian tertentu yang bersifat luar biasa dan tidak dijangka akan berulang dan kejadian yang berlaku berikutnya telah membalikkan semula kesan-kesan daripada kejadian tersebut.

Berhubung dengan aset-aset lain, kerugian terjejas dibalikkan semula jika berlaku perubahan pada anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai yang boleh diperolehi.

Kerugian terjejas hanya akan diubah sekiranya nilai bawa aset tidak melebihi amaun yang telah ditentukan, bersih daripada susutnilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian terjejas dikenalpasti. Pembalikan semula itu diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(g) Geran Pelancaran

Jumlah aset tetap yang diperolehi melalui Geran Pelancaran telah diambilkira sebagai Kredit Tertunda dan dipelaraskan ke hasil tiap-tiap, tahun berdasarkan kepada jangkamasa hayat penggunaan aset tersebut.

(h) Bangunan

Bangunan-bangunan diselenggara dan digunakan oleh Majlis tetapi tidak dimiliki oleh Pihak Berkuasa Majlis tidak dimasukkan sebagai aset Majlis.

(i) Liabiliti

Pemiutang perdagangan dan pelbagai dinyatakan pada kos.

(j) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf dan direkod kedalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis terikat secara undang-undang pada masa tersebut hasil daripada kejadian-kejadian pada masa lepas, apabila adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar punca-punca adalah diperlukan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan daripada ikatan tersebut dan apabila terdapat anggaran yang pasti tentang amaun yang boleh diperuntukkan.

(k) Faedah kakitangan

(i) Faedah Kakitangan Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi kepada kakitangan Majlis. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan Caruman Tertentu

Obligasi membuat caruman kepada pelan caruman tertentu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila berlaku.

(iii) Peruntukan Pencen dan Gratuiti

Sumbangan dibuat untuk pencen dan gratuiti bagi pekerja yang bertugas melebihi 10 tahun di bawah persaraan Kerajaan. Kadar sumbangan bagi pekerja tersebut kepada perkiraan Aktuari Kerajaan selaras dengan Akta 239 (1980)–Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Akta 238 (1980)–Akta Penyelarasan.

(l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

Hasil-hasil cukai taksiran am, sewaan tahunan dan faedah daripada simpanan tetap diakaunkan secara akruan. Pendapatan-pendapatan lain diakaunkan secara asas tunai.

Bagi perbelanjaan secara keseluruhan perbelanjaan diakaunkan secara akruan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Jentera dan Mesin	Perabot dan Alat Kelengkapan	Perkakas-Perkakas Lain	Komputer dan Perkakasnya	Jumlah Besar
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2015								
Kos								
Baki pada 1-1-2015	185,918	34,091,512	5,537,743	22,860	1,317,339	1,223,589	2,016,545	44,395,506
Tambahan dalam tahun	—	710,653	97,138	—	—	54,792	255,100	1,117,683
Pelarasan	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—
Baki pada 31-12-2015	185,918	34,802,165	5,634,881	22,860	1,317,339	1,278,381	2,271,645	45,513,189
Susutnilai terkumpul								
Baki pada 1-1-2015	—	19,000,346	3,457,059	20,671	878,723	778,294	1,439,918	25,575,011
Susutnilai semasa	—	1,720,186	576,311	840	68,819	63,720	216,704	2,646,580
Pelarasan susutnilai	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelarasan tahun lalu	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—
Baki pada 31-12-2015	—	20,720,532	4,033,370	21,511	947,542	842,014	1,656,622	28,221,591
Nilai Buku Bersih pada 31-12-2015	185,918	14,081,633	1,601,511	1,349	369,797	436,367	615,023	17,291,598
2014								
Kos								
Baki pada 1-1-2014	185,918	34,091,512	4,178,679	22,860	1,197,765	1,125,684	1,599,306	42,401,724
Tambahan dalam tahun	—	—	1,359,064	—	177,449	97,905	420,999	2,055,417

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Jentera dan Mesin	Perabot dan Alat Kelengkapan	Perkakas-Perkakas Lain	Komputer dan Perkakasannya	Jumlah Besar
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pelarasan Pelupusan	—	—	—	—	(57,875)	—	—	—
Baki pada 31-12-2014	185,918	34,091,512	5,537,743	22,860	1,317,339	1,223,589	2,016,545	44,395,506
Susutnilai terkumpul								
Baki pada 1-1-2014	—	17,297,926	3,050,025	19,831	865,339	721,797	1,297,179	23,252,097
Susutnilai semasa	—	1,702,420	407,034	840	71,239	56,497	146,489	2,384,519
Pelarasan tahun lalu	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	—	—	(57,855)	—	(3,750)	(61,605)
Baki pada 31-12-2014	—	19,000,346	3,457,059	20,671	878,723	778,294	1,439,918	25,575,011
Nilai Buku Bersih pada 31-12-2014	185,918	15,091,166	2,080,684	2,189	438,616	445,295	576,627	18,820,495

5. WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN

	2015	2014
	RM	RM
(a) Akaun Ibu Pejabat Malayan Banking Berhad	1,569,731	888,353
(b) Akaun Public Bank Berhad Pejabat Bukit Beruntung	545,493	646,238
(c) Akaun Maybank Bank Berhad	38,455	175,441
(d) Akaun Bank Islam Malaysia Berhad	7,626,299	5,024,109
(e) Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (Int. Banking)	187,906	15,756
(f) Akaun CIMB Bank Berhad (PBT)	182,809	886,745
(g) Akaun CIMB Bank Berhad (PTD)	659,338	403,322
(h) Akaun Hong Leong Bank Berhad	11,469	10,108
(i) Akaun AmBank (M) Berhad	100,584	137,873
(j) Akaun Bank Simpanan Nasional	97,686	221,071
(k) Akaun Public Bank Berhad Pejabat Batang Kali	1,537,548	925,110
(l) Akaun Affin Bank Berhad	30,942	21,411
(m) Akaun Bank Muamalat Malaysia Berhad	3,827	3,858
(n) Akaun CIMB Bank Berhad Kutipan	609,542	24,488
(o) Akaun Maybank Berhad Program Mesra Rakyat	164,320	164,320
(p) Akaun Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	289,362	191,411
(q) Akaun RHB Bank Berhad	47,148	87,478
(r) Akaun Standard Chatered Bank Berhad	161,008	50,209
(s) Akaun Bank Islam Malaysia Berhad-ISF	5,003	—
(t) Akaun Bank Simpanan Nasional-EB	254,463	—
(u) Wang Panjar Runcit	9	3,001
	<u>14,122,942</u>	<u>9,880,301</u>

6. SIMPANAN TETAP

(a) Bank Muamalat Indonesia	—	11,036,900
(b) Malaysia Building Society Berhad	13,549,469	5,000,000
(c) Al Khair International Islamic Bank Berhad	21,000,000	10,000,000
(d) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	21,000,000	12,000,000
	<u>55,549,469</u>	<u>38,036,900</u>

7. PELBAGAI PENGHUTANG

(a) Pinjaman Kenderaan	36,780	48,293
(b) Pinjaman Komputer	38,783	57,950
(c) Siberhutang-Faedah Simpanan Tetap	561,944	326,898
(d) Pendahuluan Diri	37,082	10,400
(e) Kastam-GST 6%	579,550	—
(f) Deposit-Kenderaan	11,863	—
(g) Deposit-Tanah	2,000,000	—
	<u>3,266,002</u>	<u>443,541</u>

8. PENGHUTANG

	2015	2014
	RM	RM
(a) Cukai Taksiran Am	76,395,825	71,343,746
(Tolak)		
Peruntukan Hutang Ragu Am	(33,263,852)	(31,488,444)

		2015		2014
		RM		RM
(Tolak)				
Peruntukan Hutang Ragu Khusus	(14,964,081)	28,167,892	(15,394,675)	24,460,627
(b) Notis dan Waran	9,403,174		8,871,138	
(Tolak)				
Peruntukan Hutang Ragu Am	(4,886,927)		(4,420,627)	
(Tolak)				
Peruntukan Hutang Ragu Khusus	(1,397,621)	3,118,626	(1,347,015)	3,103,496
(c) Sewaan Tahunan		555,904		566,829
		<u>31,842,422</u>		<u>28,130,952</u>

9. SEWA BELI KENDERAAN

	2015	2014
	RM	RM
(a) Bayaran balik dalam tempoh dua belas bulan	495,515	447,675
(b) Sewa Beli-Bayaran balik selepas tempoh dua belas bulan	950,056	1,378,305
	<u>1,445,571</u>	<u>1,825,980</u>

Jumlah sewabeli yang perlu dibayar	Bayaran	Kos Pembiayaan	Pokok Sewabeli	Bayaran	Kos Pembiayaan	Pokok Sewabeli
	2015	2015	2015	2014	2014	2014
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kurang dari satu tahun	576,420	80,905	495,515	559,164	111,489	447,675
Di antara satu hingga lima tahun	1,023,880	73,824	950,056	1,525,562	147,257	1,378,305
	<u>1,600,300</u>	<u>154,729</u>	<u>1,445,571</u>	<u>2,084,726</u>	<u>258,746</u>	<u>1,825,980</u>

10. PEMIUTANG

	2015	2014
	RM	RM
(a) Cukai Taksiran Am	726,217	2,765,884
(b) Sewa Tahunan	23,044	26,842
	<u>749,261</u>	<u>2,792,726</u>

11. PELBAGAI PEMIUTANG

	2015	2014
	RM	RM
(a) Pemiutang Perbelanjaan	282,841	6,425,722
(b) Lain-lain Cagaran	1,591,385	716,341
(c) Terimaan Lain-lain PBT dan Cukai Tanah	15,620	9,164
(d) Electronic Banking-Simpanan Nasional	11,204	—
	<u>1,901,050</u>	<u>7,151,227</u>

12. WANG CAGARAN

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis.

	2015	2014
	RM	RM
(a) Cagaran	22,641,675	21,204,074
	<u>22,641,675</u>	<u>21,204,074</u>

13. KUMPULAN WANG MAJLIS

Baki awal tahun	58,518,449	53,860,291
Lebih pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun	27,959,708	4,658,158
	<u>86,478,157</u>	<u>58,518,449</u>

14. GERAN BANTUAN KHAS

Geran Kerajaan pada awal tahun	3,702,608	4,064,140
Tambahan	—	—
(Tolak)		
Pelasaran ke hasil sebagai kredit tertunda	3,702,608	4,064,140
Geran Kerajaan pada akhir tahun	(371,498)	(361,532)
	<u>3,331,110</u>	<u>3,702,608</u>

Geran Kerajaan tersebut telah digunakan untuk membiayai aset-aset berikut:

	2015	Kos pada	Tambahan	Kos pada	Susutnilal	Susutnilal	Nilai Buku
		1-1-2015		31-12-2015	Dalam	Terkumpul	Bersih
		RM	RM	RM	Tahun	31-12-2015	RM
					2015		
					RM	RM	
<b>Bangunan</b>							
(a) Sebuah Setor, Kuarters YDP dan Pegawai	2,950,165	—	2,950,165	147,508	1,767,551	1,182,614	
(b) Pondok Bas	99,854	—	99,854	4,993	49,927	49,927	
(c) Medan Selera Bandar Utama Batang Kali	1,483,150	—	1,483,150	74,158	889,890	593,260	
(d) PasarAwam Kuala Kubu Bahru	2,541,464	—	2,541,464	127,073	1,016,585	1,524,879	

2015	Kos pada 1-1-2015	Tambahan	Kos pada 31-12-2015	Susutnilal Dalam Tahun 2015	Susutnilal Terkumpul 31-12-2015	Nilai Buku Bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
(e) Pasar Awam Ulu Yam Bharu	—	710,653	710,653	17,766	17,766	692,887
Jumlah Geran Kerajaan- Bangunan	7,074,633	710,653	7,785,286	371,498	3,741,719	4,043,567
(a) Kendaraan	492,100	—	492,100	—	492,100	—
Jumlah Geran Kerajaan	7,566,733	710,653	8,277,386	371,498	4,233,819	4,043,567

15. KUMPULAN WANG AMANAH

	2015 RM	2014 RM
Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada:		
(a) Geran MARRIS		
Baki awal	—	—
Tambahan dalam tahun (Tolak)	17,111,371	—
Perbelanjaan	(11,246,237)	—
Baki Akhir	5,865,134	—

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan terdiri daripada:

(a) Wang Pinjaman Kendaraan	300,000	300,000
(b) Wang Pinjaman Komputer	100,000	100,000
	400,000	400,000

17. BELIAN ASET TETAP

Majlis telah memiliki sesetengah aset tetap melalui Pinjaman Bank Komersial seperti berikut:

Kenderaan	84,800	1,288,906
	84,800	1,288,906



18. ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka berhubung dengan tahun sebelumnya telah ditentukan semula untuk tujuan perbandingan.

19. KERJA DALAM PROSES

	2015	2014
	RM	RM
(a) Pembangunan Sistem Penilaian dan Cukai	272,250	74,260
(b) Perisian Perakaunan SAGA	467,275	208,625
	<u>739,525</u>	<u>282,875</u>

20. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI

Pendapatan		
Hasil Cukai		
Cukai Taksiran	56,110,028	47,920,975
	<u>56,110,028</u>	<u>47,920,975</u>
Hasil Bukan Cukai		
Lesen dan Permit	1,562,968	1,274,859
Bayaran Perkhidmatan	1,329,865	826,449
Perolehan dari Jualan Barang	98,935	113,037
Sewaan	1,356,583	1,423,572
Sewaan Pelbagai	261,884	227,967
Bayaran Pelan	5,839,470	2,102,409
Faedah Bank	91,894	69,869
Faedah dari Pinjaman Kenderaan	1,656	1,986
Faedah dari Pinjaman Komputer	1,991	2,738
Faedah dari Pelaburan	1,998,869	1,504,217
Denda dan Hukuman	797,388	338,916
Notis dan Waran	2,107,979	1,929,981
	<u>15,449,482</u>	<u>9,816,000</u>
Pelbagai Terimaan		
Hutang Ragu Khusus-Cukai Taksiran Am	430,595	—
Hutang Ragu Khusus-Notis dan Waran	—	79,407
Terimaan Bukan Hasil	210,048	230,127
Hasil dari Cagaran yang Ditolak	1,329,127	21,812
Kredit Tertunda	371,498	361,532
Caruman Bantuan Kadar	755,676	778,209
Geran Kerajaan Persekutuan/Negeri	6,582,076	7,502,321
Geran Penyelenggaraan Jalan (MARRIS)	—	12,190,414
Sumbangan	10	—
	<u>9,679,030</u>	<u>21,163,822</u>
Jumlah Pendapatan	<u>81,238,540</u>	<u>78,900,797</u>

	2015	2014
	RM	RM
Perbelanjaan		
Emolumen		
Gaji dan Upahan	7,435,352	7,281,554
Elaun Tetap	2,605,826	2,540,342
Sumbangan Berkanun (KWSP)	98,918	78,712
Elaun Lebih Masa	1,093,956	1,000,615
Faedah Kewangan Yang Lain	1,086,012	1,250,009
	<u>12,320,064</u>	<u>12,151,232</u>
Perkhidmatan Dan Bekalan		
Tuntutan Perjalanan	80,509	87,041
Pengangkutan Barang-barang	—	2,826
Perhubungan dan Utiliti	1,037,959	431,519
Sewaan	148,035	156,436
Bekalan Bahan Mentah	466,800	527,529
Bekalan Bahan Lain	1,209,603	903,067
Penyelenggaraan dan Pembaikan	14,890,811	30,562,523
Perkhidmatan Ikhtisas	13,336,603	14,838,344
	<u>31,170,320</u>	<u>47,509,285</u>
Pemberian Dan Kenaan Tetap		
Pencen dan Ganjaran	1,478,820	1,380,515
	<u>1,478,820</u>	<u>1,380,515</u>
Perbelanjaan Lain		
Lain-lain Harta Modal	289,787	35,029
Perbelanjaan Lain-lain	399,690	215,516
Komisen Bank	106,938	89,535
Susutnilai	2,646,580	2,384,519
Hutang Ragu Am-Cukai Taksiran	1,775,408	4,223,196
Hutang Ragu Khusus-Cukai Taksiran	—	1,172,726
Hutang Ragu Am-Notis dan Waran	466,300	838,928
Hutang Ragu Khusus-Notis dan Waran	50,605	—
Faedah Dikenakan Atas Pinjaman Kenderaan	113,940	91,204
Pelupusan Aset	—	30
Penggenapan	12	—
	<u>5,849,260</u>	<u>9,050,683</u>
Perbelanjaan Pembangunan		
Projek Pembangunan Majlis	1,791,767	2,983,064
Lain-lain Projek Pembangunan	668,601	1,167,860
	<u>2,460,368</u>	<u>4,150,924</u>
Jumlah Perbelanjaan	<u>53,278,832</u>	<u>74,242,639</u>
Lebih Pendapatan Bersih	<u>27,959,708</u>	<u>4,658,158</u>

**No. 4824.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Langat bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

## Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

SHAH ALAM  
Bertarikh 11 Ogos 2016

ROKIAH BINTI SAHAT  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

KENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Kami, Mohd Azhar bin Mohamed Ali, Yang Dipertua dan Tuan Haji AB Rahman bin Amir, Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Di Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat pada 31 Disember 2015 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

MOHD AZHAR bin MOHAMED  
*Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Langat*

TUAN HAJI AB RAHMAN BIN AMIR  
*Ahli Majlis  
Majlis Daerah Kuala Langat*

Bertarikh 26 April 2016

Bertarikh 26 April 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Saya, Kamarulzaman bin Ahmad (KP. 670727-10-6387), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 dan Penyata Perubahan Di dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh  
Penama di atas Kamarulzaman bin Ahmad  
di Banting, Kuala Langat  
pada 26 April 2016

Di hadapan saya

RAJA LATCHMI A/P SUBRAMANIAM  
*Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	2015	2014
	RM	RM
<b>ASET</b>		
Aset Semasa:		
Penghutang (Nota 6)	11,686,502	10,147,316
Pinjaman Kakitangan (Nota 7)	360,020	405,584
Pelbagai Pertaruhan dan Terakru (Nota 7)	573,254	310,723
Cagaran Majlis (Nota 7)	253,300	253,000
Simpanan Tetap (Nota 21)	61,000,000	47,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan (Nota 22)	6,770,156	12,835,640
<b>Jumlah Aset Semasa</b>	<b>80,643,232</b>	<b>70,952,263</b>
Aset Bukan Semasa		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 4)	18,390,629	17,410,212
Kerja Dalam Kemajuan (Nota 5)	—	468,353
Pelaburan (Nota 20)	3,000,000	3,000,000
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>	<b>21,390,629</b>	<b>20,878,565</b>
<b>Jumlah Aset</b>	<b>102,033,861</b>	<b>91,830,828</b>
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti Semasa		
Pemiutang (Nota 8)	10,926,962	11,473,163
Pelbagai Pemiutang (Nota 8)	1,625	210
Wang Cagaran & Terimaan Terdahulu (Nota 9)	21,542,000	19,315,603
Pinjaman sewa beli (Nota 15)	269,523	269,474
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>	<b>32,740,110</b>	<b>31,058,450</b>
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman sewa beli (Nota 15)	527,442	797,013
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>	<b>527,442</b>	<b>797,013</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>33,267,552</b>	<b>31,855,463</b>
<b>Aset Bersih</b>	<b>68,766,309</b>	<b>59,975,365</b>
<b>EKUITI:</b>		
Geran Bantuan Khas Kerajaan (Nota 10)	10,466,387	10,749,898
Kumpulan Wang Majlis (Nota 13)	52,536,931	48,505,467
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan (Nota 16)	700,000	700,000
Kumpulan Wang Amanah (Nota 17)	5,062,991	20,000
<b>Jumlah Ekuiti</b>	<b>68,766,309</b>	<b>59,975,365</b>

Nota-nota merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015	2014
	RM	RM
PENDAPATAN		
Hasil Cukai (Nota 24)	30,072,139	28,528,335
Hasil Bukan Cukai (Nota 24)	24,367,900	16,115,663
Pelbagai Terimaan (Nota 24)	30,684,912	43,871,032
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>85,124,951</b>	<b>88,515,030</b>
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 24)	13,981,398	13,413,354
Perkhidmatan dan Bekalan (Nota 24)	48,214,183	52,426,470
Pemberian dan Kenaan Tetap (Nota 24)	2,969,069	3,037,786
Perbelanjaan Lain (Nota 24)	2,713,697	2,480,785
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>67,878,347</b>	<b>71,358,395</b>
<b>LEBIHAN DALAM TAHUN</b>	<b>17,246,604</b>	<b>17,156,635</b>

Nota-nota merupakan sebahagian dan akaun-akaun ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015	2014
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI:		
Lebihan Pendapatan	17,246,604	17,156,635
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai:		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	2,250,932	2,002,831
Pelarasan, Hapuskira	(10,786,710)	(1,577)
Kredit Tertunda	(890,175)	(850,993)
Faedah Pelaburan	(1,995,100)	(1,385,677)
	<b>(11,421,053)</b>	<b>(235,416)</b>
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	5,825,551	16,921,219
(Peningkatan)/Penurunan Pada Aset Semasa:		
Pelbagai Pertaruhan dan Terakru	(262,831)	(175,008)
Penghutang	(1,539,186)	(483,737)
Pinjaman Kakitangan	45,564	8,645
	<b>(1,756,453)</b>	<b>(650,100)</b>
Peningkatan/(Penurunan) Pada Liabiliti Semasa:		
Pemiutang	(546,201)	5,518,997
Pelbagai Pemiutang	1,415	(3,502)
Wang Cagaran	2,166,426	3,033,949
Terimaan Terdahulu	59,972	(1,406)
	<b>1,681,612</b>	<b>8,548,038</b>

	2015 RM	2014 RM
Peningkatan/(Penurunan) pada Ekuiti:		
Geran Bantuan Khas Kerajaan	606,664	2,460
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	—	—
Kumpulan Wang Amanah	(5,000)	—
	<u>601,664</u>	<u>2,460</u>
Aliran Tunai Bersih Dijana Dan Aktiviti Operasi	<u>6,352,374</u>	<u>24,821,617</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(611,788)	(671,414)
Peningkatan/(Pengurangan) Pembinaan Dalam Kemajuan Faedah Pelaburan	468,353 1,995,100	(209,815) 1,385,677
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>1,851,665</u>	<u>504,448</u>
<b>AURAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pembayaran Pinjaman Sewa Beli	(269,523)	(206,238)
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan	<u>(269,523)</u>	<u>(206,238)</u>
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	7,934,516	25,119,827
Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	62,835,640	37,715,813
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<u>70,770,156</u>	<u>62,835,640</u>
<b>ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH</b>		
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	6,770,156	12,835,640
Simpanan Tetap	61,000,000	47,000,000
Pelaburan	3,000,000	3,000,000
<b>WANG TUNAI, DANA JANGKA PENDEK PELABURAN</b>	<u>70,770,156</u>	<u>62,835,640</u>

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Bantuan Khas RM	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Jumlah RM
Pada 1-1-2014	11,598,431	31,347,970	700,000	20,000	43,666,401
(+) Tambahan Kumpulan Wang	2,460	—	—	—	2,460
Pelaras dalam tahun	(850,993)	862	—	—	(850,131)
Lebih dalam tahun	—	17,156,635	—	—	17,156,635
Pada 31-12-2014	<u>10,749,898</u>	<u>48,505,467</u>	<u>700,000</u>	<u>20,000</u>	<u>59,975,365</u>

	Geran Bantuan Khas	Kumpulan Wang Majlis	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	Kumpulan Wang Amanah	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1-1-2015	10,749,898	48,505,467	700,000	20,000	59,975,365
(+) Tambahan Kumpulan Wang	606,664	373,778	—	13,894,110	14,874,552
Pelarasan dalam tahun	(890,175)	(13,588,918)	—	(8,851,119)	(23,330,212)
Lebih dalam tahun	—	17,246,604	—	—	17,246,604
Pada 31-12-2015	10,466,387	52,536,931	700,000	5,062,991	68,766,309

## NOTA KEPADA AKAUN

## 1. DASAR PERAKAUNAN

## 1.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan persembahan penyata kewangan adalah mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

## 1.2 Asas Perakaunan

Akaun Majlis ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

## 1.3 Penggunaan Matawang

Penyata Kewangan ini bentangkan dalam ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Majlis.

## 1.4 Hartanah, Loji &amp; Peralatan

1.4.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan penjelasan nilai terkumpul.

## 1.4.2 Kadar Susutnilai Aset

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dibuat mengikut kaedah garis tuns berasaskan anggaran usiaguna harta-harta tersebut, seperti berikut:

Bangunan	5%
Jentera/Mesin Rumput	20%-33 1/3%
Kenderaan	15%-20%
Peralatan dan kelengkapan pejabat	10%-20%
Alatan sukan dan rekreasi	10%-20%
Aplikasi sistem	10%-20%
Tanah	Pajakan 99

Selepas pelupusan sebarang harta tetap, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai buku bersih adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan rizab penilaian semula yang berkaitan, sekiranya ada, dan dipindahkan kepada keuntungan terkumpul.



#### 1.4.3 Pengurangan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada penyata prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini. Keterbalikan ini diiktiraf dalam penyata prestasi Kewangan dengan serta merta.

#### 1.4.4 Keuntungan atau kerugian atas jualan aset

Keuntungan atau kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan adalah dikenalpasti dengan membuat perbandingan harga jualan dengan nilai buku bersih dan ia akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan pada penyata prestasi Kewangan.

#### 1.5 Pengiktirafan Pendapatan

